

03 SEP 1997

TIADA TOKOH BANK AKAN DIDAKWA DI MAHKAMAH, KATA ANWAR

KUALA LUMPUR, 3 Sept (Bernama) -- Tiada tokoh bank terkemuka negara akan didakwa di mahkamah berhubung kegiatan manipulasi pasaran saham, kata Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim hari ini.

Beliau berkata khabar angin kononnya ada tokoh bank akan didakwa di mahkamah kerana berbuat demikian adalah tidak benar.

Apabila ditemui pemberita di sini hari ini, Anwar ditanya mengenai ura-ura bahawa seorang tokoh bergelar Tan Sri dipercayai turut terbabit dalam memanipulasikan pasaran saham baru-baru ini yang menyebabkan harga saham jatuh teruk.

"Tak benar...itu hanya khabar angin," katanya.

Khabar angin itu bertiup kencang setelah Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata bahawa tindakan tegas akan diambil terhadap rakyat tempatan yang membantu manipulator asing yang mensabotaj ekonomi negara.

Dr Mahathir juga berkata kerajaan telah mengarahkan bank-bank memberhentikan kegiatan meminjam saham untuk tujuan jualan pendek.

Katanya lesen perniagaan bank yang terus meminjamkan saham mereka untuk jualan pendek akan dibatal.

Jualan pendek atau jualan jangka turun merujuk kepada tindakan yang diambil oleh seseorang pespekulasi yang menjual saham yang tidak dimilikinya (selalunya dengan meminjam daripada inventori broker) dengan beranggapan bahawa saham tersebut akan jatuh harganya beberapa hari kemudian, dan pada hari tersebut akan dibelinya balik saham tersebut dengan harga yang murah dan seterusnya akan memulangkan balik saham tersebut kepada broker.

Timbalan Menteri Kewangan Datuk Dr Affifudin Omar pula berkata Isnin lepas bahawa "satu atau dua bank" sedang disiasat berhubung dakwaan memanipulasikan pasaran saham. -- BERNAMA

ES MAI/sia